

Projek mega pengangkutan awam jadi tumpuan 2018

KUALA LUMPUR: Sektor pengangkutan awam tempatan melalui perubahan yang besar pada 2018 apabila menjadi satu daripada bidang sasaran utama yang telah dikenal pasti oleh kerajaan baharu untuk 'diperbaharui'. Banyak projek mega pengangkutan yang dimulakan oleh kerajaan sebelum ini sama ada ditangguhkan atau dinilai semula selepas Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan negara daripada Barisan Nasional susulan kemenangan bersejarah mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 pada Mei. Ia, antara lainnya, termasuklah projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Malaysia-Singapura, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT). Ketika rundingan dalam kalangan pihak berkaitan masih berjalan, ECRL adalah satu-satunya projek mega yang masa depannya masih lagi tidak pasti, manakala yang lain telah ditangguhkan apabila Putrajaya menyatakan ia kekurangan dana untuk meneruskan projek itu mengikut tarikh asal yang dicadangkan. Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook baru-baru ini berkata projek ECRL, laluan kereta api yang menghubungkan Pelabuhan Klang di Selat Melaka ke Pengkalan Kubor di Kelantan, masih tertakluk kepada kajian semula oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Tunggu kajian semula

"Masih belum ada kata putus akhir lagi, kerana mereka masih melihat kepada faktor seperti kos dan implikasi lain. "Buat masa sekarang, kita hanya perlu menunggu kajian semula itu," beliau dipetik sebagai berkata dalam satu laporan. Bagi MRT 3, kerajaan masih belum mengenal pasti masa yang sesuai untuk memulakan projek tersebut disebabkan kekangan kewangan dan malahan kos projek MRT 2 telah dikurangkan kepada RM30.53 bilion daripada RM56.93 bilion menerusi pengurangan bilangan stesen yang akan dibina daripada rancangan asal 35 kepada 33, serta kos bagi bahagian bawah tanah.

Semak semula belanjawan

Berdasarkan kepada perangkaan, Laluan 1 MRT yang sedia ada merekodkan 146,842 penumpang daripada kapasiti 450,000 antara Januari dan Mei tahun ini.

Loke berkata penangguhan projek MRT 3 memberikan peluang kepada kerajaan untuk menyemak semula keutamaan belanjawannya seperti memberi tumpuan menambah baik perkhidmatan bas dan pembangunan prasarana di seluruh negara.

Menurutnya, Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk memansuhkan perkhidmatan bas pengantara MRT buat masa sekarang, sebaliknya ia merancang menyepadukannya dengan perkhidmatan bas lain, serta melancarkan pas bulanan pada tahun depan. - BERNAMA

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 22 | 22 DISEMBER 2018